

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 DECEMBER 2016

Tindakan Dr. Mahathir tidak aneh



SEPANJANG menjadi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat amat teliti dalam segala tindak tanduknya. Apa juga kenyataan dan keputusan yang dibuat akan dilakukan secara berhati-hati dan penuh fakta.

Dr. Mahathir juga berjaya menyedarkan orang Melayu mengenai nasib bangsa itu jika orang lain memegang tampuk pemerintahan. Sehebat mana pakatan yang dibentuk oleh pembangkang seperti mana kewujudan Parti Melayu Semangat 46 dan PKR, Dr. Mahathir berjaya mengharungi dalam pilihan raya umum 1990 dan 1999 dengan cemerlang.

Lanjutan itulah, Dr. Mahathir disanjung dan diangkat sebagai pemimpin politik paling unggul. Tiada siapapun boleh menafikan segala jasa beliau kepada negara, budi beliau kepada orang Melayu dan pengorbanan beliau dalam membangunkan Malaysia.

Tetapi malangnya, hampir semua orang terlupa bahawa Dr. Mahathir juga insan biasa. Dr. Mahathir juga seorang ahli politik yang sebilangan besar daripada mereka tidak pernah puas dengan apa yang dikecapi.

Oleh itu apabila Dr. Mahathir memutuskan untuk bersama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) sebagai salah satu usaha bagi melaksanakan agendanya menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, itu bukanlah sesuatu yang aneh dalam dunia politik.

Dalam dunia yang dinamakan dunia politik, segalanya berkeungkinan. Kawan boleh menjadi lawan, musuh boleh menjadi sekutu. Segala perbezaan, kata-kata nista dan maki hamun boleh dilupakan begitu sahaja termasuk peringatan dan amaran berhubung ancaman jika sesebuah parti yang dianggap cauvinis itu berkuasa.



DR. MAHATHIR MOHAMAD bercakap pada sidang akhbar bersama-sama barisan kepimpinan kanan DAP ketika Persidangan DAP 2016 di Shah Alam, Selangor, 4 Disember lalu. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Sementara satu pihak mahu melunaskan dendam politiknya, satu pihak lain pula sibuk mengambil kesempatan kerana menganggap inilah peluang terbaik untuk mereka merampas tampuk pemerintahan negara. Kesudahannya yang menang menjadi arang manakala yang kalah menjadi abu. Paling malang orang Melayu yang akan tercampak dalam situasi 'menang sorak kampung tergedai'.

Hakikatnya, pendekatan politik Dr. Mahathir tidak akan menguntungkan orang Melayu sebaliknya hanya melemahkan kuasa politik mereka. Selama ini Dr. Mahathir adalah tokoh politik yang bertanggungjawab mengingatkan orang Melayu supaya dalam apa keadaan sekalipun mereka perlu mempertahankan kuasa politik kerana 'perjuangan masih belum selesai'.

Bagaimanapun segala-galanya sudah terbukti, hanya disebabkan agenda mahu menjatuhkan Najib tidak kesampaian, Dr. Mahathir bersedia melakukan apa sahaja bukan sahaja berbaik-baik dengan musuh politiknya malah

bersedia melemparkan pelbagai tuduhan tidak berasas kepada kerajaan.

Penulis yakin Dr. Mahathir akan terus melakukan serangan demi serangan terhadap kerajaan. Pada masa sama beliau juga akan melakukan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan apa yang pernah dilafazkan ketika menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO dahulu.

Malang sekali Dr. Mahathir yang disanjung sebagai negarawan dan terlalu banyak jasanya dalam membangunkan negara akhirnya memilih 'jalan gelap' dalam mengakhiri karier politik beliau. Segala-galanya berlaku kerana Dr. Mahathir mahu kehendaknya sentiasa dituruti dan akan menentang sesiapa sahaja yang membantah kemahuaannya.

Penulis juga akan menanti dengan penuh sabar tentang apa yang akan berlaku kepada pakatan pembangkang apabila Dr. Mahathir membawa masuk PPBM menyertai pakatan itu. Penulis difahamkan sudah ada suara-suara dalam PPBM yang

menganggap tindakan politik Dr. Mahathir boleh memudaratkan parti yang berusia tidak sampai setahun itu.

Persoalannya siapakah dalam PPBM yang berani menegur Dr. Mahathir? Ini memandangkan walaupun beliau hanya pengerusi tetapi pengaruhnya jauh lebih hebat daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Presiden.

Apapun dunia politik 'akan terus meriah' dengan gelagat politik Dr. Mahathir yang dinasihatkan Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz supaya kembali ke tikar sejadah. Tetapi dalam masa yang sama Barisan Nasional (BN), UMNO dan kerajaan perlu bersedia menangkis serangan Dr. Mahathir.

Biarlah apapun beliau hendak lakukan dan katakan, yang penting bagi kerajaan ialah membela nasib rakyat. Tidak perlu membuang terlalu banyak masa untuk melayani seorang individu berusia 91 tahun yang tidak puas-puas lagi berpolitik hanya disebabkan kehendaknya terhalang.